

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS ■ KELUARAN 12/2023 BIL. 19 ■

Inspirasi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اوتوزستتي قند يديقق سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



SITC • MPSI • IPSJ • UPSI • 1922-2022



Majalah Inspirasi

Majalah universiti yang diterbitkan empat bulan sekali berkonsepkan inspirasi dan eksplorasi untuk santapan pembaca

Keluaran 12/2023 Bil. 19

Disember 2023

ISSN 1823-9331

SIDANG EDITORIAL

Prof. Madya Dr. Mohd Izwan bin Shahril

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Dr. Norfaizah binti Abdul Jobar

Marini binti Masdar

Ramli bin Mosmin

Datin Norhayati binti Hood

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

WARTAWAN

Prof. Madya Dr. Ghazali bin Din

Ramli bin Mosmin

Dr. Raja Ahmad Shalaby bin Raja

Hassan

Mohd. Razalli bin Ahmad Termizi

Nurul Hafizan binti Abdul Rahman

JURUFOTO

Fisol bin Ahmad

Shahidah binti Abu Hassan

Nurul Hasniza binti Mohd Rashid

Muhammad Zuhad bin Abdul Aziz

REKA BENTUK KULIT

Redzuan Shah bin Datu Sahadun

KONSEP DAN REKA LETAK

Ramli bin Mosmin

TEKNIKAL

Mohamad Yunus bin Mohd Mustafa

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT

Bangunan Canseleri

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim

Perak

Emel: ccd@upsi.edu.my

Tel: 05-450 6661

@HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan majalah ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Pendidikan Sultan Idris.





UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

اونيورسيتي قنديديقن سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY



PENCIPTA LOGO
Nurmaisara binti Ahmad
 Pejabat Karang Mengarang




Logo UPSI berwarna keemasan diletakkan dalam angka 100 bagi memaparkan legasi SITC, MPSI, IPSI dan UPSI selama 100 tahun yang masyhur dalam membina kebitaraan pendidikan negara.

Bangunan Suluh Budiman dalam angka 100 berwarna keemasan melambangkan bangunan ini kekal utuh sejak era SITC. Bangunan ini telah digazetkan sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada 14 Februari 2009 di bawah akta Warisan Kebangsaan 2005 justeru menjadi salah satu simbolik kemegahan UPSI.



Garisan lengkung di bawah angka 100 tahun melambangkan gelombang peredaran zaman kegemilangan UPSI. Perubahan ini dimulakan dengan SITC, MPSI, IPSI, UPSI selain meletakkan angka 1922-2022 sebagai bukti era kewujudan UPSI hingga kini.



Warna emas cerah melambangkan kegemilangan, kekayaan ilmu dan kemasyhuran pendidikan manakala warna emas gelap melambangkan daya saing, keyakinan, kerjasama sepasukan dan evolusi pendidikan yang berterusan.

PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris menerajui dunia pendidikan bersandarkan nilai kebitaraan setiap warga UPSI.

قتراجو كبيتارآن قنديدين

Peneraju Kebitaraan Pendidikan Institusi pendidikan terulung ini senantiasa memartabatkan tulisan Jawi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

Kita bakal melangkah ke tahun baharu tidak lama lagi. Seiring dengan peningkatan usia kita dan UPSI sendiri sebagai sebuah institusi pendidikan terulung di negara kita, pastinya kita ingin membawa



**PROFESOR MADYA DR.
MOHD IZWAN SHAHRIL**

universiti ke arah yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. Sambil mengenang kembali kejayaan manis sepanjang 2023 kita juga seharusnya sudah merangka harapan dan hala tuju untuk pencapaian peribadi, jabatan mahupun universiti ke arah yang lebih baik berbanding pencapaian tahun-tahun sebelumnya.

Walaupun merasa amat lega dengan melewati pelbagai program sempena sambutan 100 tahun penubuhan SITC-MPSI-IPSI dan UPSI. Kita tidak seharusnya terus terbuai dengan kejayaan itu dan kejayaan lampau. Sejarah telah membuktikan untuk mencapai kejayaan itu adalah lebih mudah berbanding untuk mengekalkan sesebuah kejayaan itu.

Oleh yang demikian, tempoh masa untuk terus berusaha mencapai

kejayaan yang lebih gemilang haruslah diteruskan dalam kalangan kakitangan mahupun pelajar demi memastikan nama UPSI terus berada dalam kedudukan yang tinggi dalam kalangan institusi pendidikan di negara kita

Jatuh bangun sesuatu agensi itu sudah menjadi kebiasaan dan yang penting jika jatuh, kita jangan meratap dan bersedih terlalu lama sebaliknya harus segera bangkit kembali menggapai impian yang tertangguh sebelumnya.

Harapan saya buat seluruh warga pembaca untuk terus menguatkan azam dan berusaha untuk menggapai impian masing-masing. Selamat Tahun Baharu 2024 dan selamat membaca.





**PROFESOR DATO' DR.
MD AMIN MD TAFF**

Kerajaan salur dana tambahan 25 juta untuk pembangunan kolej kediaman

Assalamualaikum WBT dan Salam Seabad Ibu Kandung Suluh Budiman

Pasti kita bakal menghadapi cabaran baharu dalam mengharungi dunia pendidikan yang semakin berkembang. Pada tahun ini kita telah mencapai pelbagai kejayaan dalam pelbagai bidang dan kepakaran. Hasil pencapaian telah membuktikan kita mampu untuk bersaing dengan universiti awam yang lain. Kejayaan ini hasil jerih perih semua kakitangan tanpa mengira jawatan dari pengurusan tertinggi hinggalah ke jawatan yang paling rendah.

Namun kita tidak harus terbuai dengan kejayaan lalu, dunia semakin

berkembang dan berubah sangat pantas. Semua harus menyiapkan diri dengan pelbagai ilmu tambahan untuk terus kekal hebat dan mampu bersaing.

Cabaran teknologi *Artificial Intelligence* (AI) yang merupakan *machine learning* yang harus ditangani dan semua pensyarah harus menguasainya. Jika tidak ia pasti akan menyebabkan pendidikan kita akan ketinggalan. Dalam masa yang sama pendidikan kita seharusnya mementingkan kurikulum dengan jiwa dalam kalangan pelajar. Kita tidak mahu pensyarah dan pelajar yang cerdas pandai tetapi tidak beradab. Oleh itu nilai-nilai insan seharusnya diterapkan di dalam jiwa kakitangan dan pelajar. Jika kurikulum sedia ada tidak sesuai maka ia perlu dirombak dan diubah. Ia selari dengan *tagline* universiti 'Memartabatkan Pendidikan,

Memperkukuhkan Keinsanan'. *Multitasking* dalam kalangan kakitangan juga harus diterapkan di semua fakulti dan pusat tanggungjawab. Kaedah lama di mana kakitangan hanya tertumpu pada bidang masing-masing sahaja perlu diubah.

Satu berita yang sangat mengujakan dan menggembirakan seluruh warga UPSI baru-baru ini apabila kerajaan bersetuju memberikan dana tambahan sebanyak RM25 juta untuk menaik taraf kolej tambahan bagi meningkatkan bilangan pelajar yang boleh menginap di dalam kolej. Perjuangan ini merupakan satu perjuangan yang sangat panjang dan melibatkan banyak pihak. Berita gembira ini disampaikan sendiri oleh Perdana Menteri sendiri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Tuanku Canselor sempena 'Dialog Mahasiswa Temu Anwar'.

#DemiUPSI

Inspirasi Keluaran ini

Inspirasi Pentadbir

Penerima Tokoh Pentadbir UPSI pada tahun 2015 ini memegang prinsip sentiasa bekerja dengan ikhlas tanpa mengharapkan balasan. Ahmad Janatul Firdaus aktif dalam kerja-kerja kebajikan dan membela golongan pekerja di UPSI, menerima pelbagai anugerah antaranya anugerah perkhidmatan, anugerah kualiti, anugerah integriti dan anugerah inovasi.

10



Inspirasi Proaktif

Wan Muhammad Irsyad berharap agar penglibatannya mendalami bidang Al-Quran boleh menjadi tauladan dan contoh kepada orang di sekeliling. Mencuba sesuatu perkara dengan penuh kesungguhan dan penuh keazaman menjadi pegangan beliau.

16



Eksplorasi Muallim

'Driving Range Banjaran UPSI' menjanjikan kepuasan, kemudahan dan perkhidmatan yang terbaik buat pencinta sukan golf sekitar Muallim khususnya. Berlatar belakang Banjaran Titiwangsa, Driving Range ini menawarkan 25 bay yang dibuka setiap hari tanpa cuti.

20



Warisan Ibu Kandung

Padang SITC terkenal sebagai sebuah padang acara dari rumput asli yang sangat luas dan tercantik di negara ini pada suatu ketika dahulu. Kawasan padang SITC pernah menjadi tempat kereta berkuda tentera dan dibina kubu-kubu pertahanan tentera Jepun sewaktu Perang Dunia Kedua.

24



Inspirasi Alumni

Sekiranya ingin berjaya, jangan berada di bawah kepompong yang sama. Keluar dari tempurung, terokai dunia lain yang berbeza dari keselesaan. Pernah tular belajar di dalam bonet kereta, Anis Arina Aqilah cabar diri melangkah lebih jauh untuk berjaya.

30



Lain-lain

36

Wira kita

Minatnya terhadap bidang muzik terlalu menyebabkan beliau cepat menangkap ilmu muzik bermain gitar. Kini, Mohamad Safwan Abdillah boleh berbangga dengan pencapaiannya menyertai kumpulan muzik terkenal Projector Band dan The Pegawai Band yang turut disertai kakitangan UPSI.



PEJABAT KARANG MENGARANG UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS



Ahmad Janatul Firdaus: Dari kakitangan sambilan ke tokoh pekerja negara



Oleh:
Ahmad Janatul Firdaus &
Mohd Razalli bin Ahmad
Termizi
razalli@upsi.edu.my

PENGENALAN

Peribahasa Melayu 'diam-diam ubi berisi' yang bermaksud pendiam tetapi berfikir atau banyak pengetahuan dan bekerja dengan diam-diam boleh dikaitkan dengan Ahmad Janatul Firdaus bin Datuk Dr Haji Dzulkarnain P.P.N, P.P.W, P.M.P, P.P.T, P.K.T, Pegawai Tabdir N52 di Pejabat Karang Mengarang, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

LATAR BELAKANG DAN PENDIDIKAN

Ahmad Janatul Firdaus (51 tahun) dilahirkan di Tapah, Perak pada tanggal 12 Januari 1973 merupakan anak kelima daripada tujuh orang adik-beradik (4 orang lelaki dan 3 orang perempuan). Ayahnya, Datuk Dr. Haji Dzulkarnain bin Haji Abdul Rahman seorang mantan guru, mantan Timbalan Pengarah Pelajaran Negeri Perak dan mantan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Perak (Exco Pendidikan dan Kemajuan Masyarakat) serta mantan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Slim, Perak. Ayahnya merupakan Alumni SITC (1956-1958) yang pernah menerima Tokoh Guru Kebangsaan pada 2008, Tokoh Guru Negeri Perak pada 2005, Tokoh Guru Daerah Kinta selain

Tokoh Guru Suluh Budiman UPSI pada tahun 2007. Ibunya, Allahyarhamah Datin Hajah Rokiah binti Haji Sulaiman juga mantan guru telah meninggal dunia pada tahun 2014.

Mendapat pendidikan awal dari tahun 1980 sehingga 1985 di Anglo Chinese School (ACS), Ipoh dan meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Raja Chulan, Ipoh dan selanjutnya mengikuti program khas Kementerian Pendidikan Malaysia di Sekolah Menengah Sains Muar, Johor.

Beliau memperoleh Sarjana Muda Undang-undang UiTM pada 1998 dan Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian), UiTM pada 2000 serta Sarjana Undang-undang (Undang-Undang Harta Intelek), UiTM, 2009. Beliau turut memiliki Diploma Profesional Pengurusan Bakat berasaskan Kompetensi dari Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada tahun 2020 dan mendapat Sijil Executive Management Program, Asian Institute of Management (AIM), Filipina pada tahun 2015.

Menerima tauliah sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 2000 dan pernah menimba pengalaman di firma guaman Skrine, Kuala Lumpur dan Tetuan Kamaluddin Ma'amor, Ipoh.

Ahmad Janatul kini menetap di Taman Bayu, Hulu Bernam. Isterinya, Puan Asmahwati binti

Shukor, seorang suri rumah merupakan mantan kakitangan UPSI (2002-2005). Mereka dikurniakan empat orang cahaya mata (dua orang lelaki dan dua orang perempuan). Arwah bapa mertuanya merupakan kakitangan yang pernah berkhidmat di SITC.

PENGALAMAN KERJA

Minat untuk bertugas di UPSI didorong atas faktor ayahnya yang pernah menjadi alumni SITC. Pada tahun 2000-2001, beliau sering ke UPSI dengan menjadi pemandu kepada ayahnya untuk menghadiri mesyuarat. Pada ketika itu ayahnya merupakan Naib Presiden merangkap Pemangku Timbalan Presiden yang aktif dalam Persatuan Suluh Budiman.

Beliau pernah memohon jawatan Pegawai Tadbir, N3 pada 2000 tetapi tidak dipanggil untuk sesi temu duga. Seterusnya memohon lagi pada 2001 dan berjaya menghadiri temu duga pada 12 November 2001. Mendapat panggilan daripada Bahagian Sumber Manusia untuk melapor diri serta merta pada penghujung Januari 2002 sebagai Pegawai Tadbir N3 sambilan. UPSI pada ketika itu sangat memerlukan khidmat ramai Pegawai Tadbir N3 sambilan bagi mengisi keperluan di PTj yang baharu ditubuhkan.

Beliau dalam dilema kerana pada masa yang sama menerima tawaran sebagai Pembantu Undang-undang

L5 (Kontrak) di Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu dan perlu melapor diri pada 1 Februari 2002. Walau bagaimanapun, beliau memilih untuk melapor diri di UPSI sebagai Pegawai Tadbir N3 sambilan pada 1 Februari 2002 dan melepaskan tawaran di Majlis Daerah Hulu Selangor, Kuala Kubu Bharu pada hari yang sama.

Di UPSI, beliau ditempatkan di PTj baharu, Pusat Penyelidikan dan Perundingan (PPP) di bawah Pengarah PPP, Profesor Emeritus Dato' Dr Abu Bakar Nordin, mantan Timbalan Naib Canselor (Akademik) UPSI yang pertama. Beliau menjadi Pegawai Tadbir pertama PPP yang membangunkan entiti penyelidikan dan perundingan UPSI daripada kosong (tiada pejabat dan tiada staf serta keadaan serba kekurangan pada ketika itu).

Sedikit demi sedikit pembangunan PPP bermula apabila berpindah daripada menumpang sementara di Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bangunan Canselori ke Bangunan IPSI pada 1 April 2002 seterusnya menggerakkan pengoperasian PPP bersama seorang staf sambilan, Nor Azura binti Arshad.

Beliau bertanggungjawab menguruskan kepesatan PPP sebagai PTj penting dalam penyelidikan, perundingan, inovasi dan pengkomersilan sehingga dijenamakan sebagai Bahagian Penyelidikan dan Inovasi (BPI), Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC). Kini, PTj ini sudah semakin mantap termasuk mempunyai kompleks sendiri dan dikenali sebagai

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC).

Beliau berpindah ke Fakulti Sains Sukan pada 1 Jun 2007. Seterusnya, berkhidmat di beberapa PTj seperti Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Bahagian Hal Ehwal Akademik, Bahagian Komunikasi Korporat, Bahagian Sumber Manusia dan Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif dari 2011-2023 dan terkini di Pejabat Karang Mengarang (PKM) sejak 1 Januari 2024.

Beliau menerima lantikan tetap di UPSI pada 1 April 2003. Dinaikkan pangkat ke Pegawai Tadbir N44 pada April 2009 dan pernah menanggung tugas Pegawai Tadbir N48 selama tiga bulan pada penghujung 2015 dan seterusnya dinaikkan pangkat ke Pegawai Tadbir N48 pada Januari 2016. Selepas 2 tahun 10 bulan, beliau menerima kenaikan pangkat sebagai Pegawai Tadbir N52.

Sepanjang berkhidmat di UPSI sejak 2002, beliau merupakan pegawai yang bertanggungjawab, berdedikasi dan sangat komited dalam tugas dan masih mengekalkan budaya kehadiran ke pejabat sebelum pukul 7:00 pagi sehingga ke hari ini. Ia amat sesuai dengan sifatnya yang sentiasa menghargai masa.

SUMBANGAN KEPADA UPSI

Penerima Tokoh Pentadbir UPSI 2015 ini dilihat sebagai seorang pendiam tetapi sebenarnya kuat bekerja dan sentiasa memberi sumbangan penting yang dirasai oleh semua warga UPSI. Antaranya ialah ucapan hari lahir dan ucapan perkhidmatan

yang diterima oleh kakitangan dalam emel dan portal merupakan cetusan idea beliau ketika mengetuai Bahagian Sumber Manusia (BSM) pada 2019-2020. Ia bertujuan untuk menyuntik rasa bangga warga UPSI kepada organisasi.

Begitu juga dengan sesi penyerahan surat kenaikan pangkat dimulakan ketika beliau di BSM. Ia bertujuan untuk memberi sentuhan penghargaan kepada staf yang naik pangkat selain meningkatkan motivasi kepada mereka. Perkara ini dimasukkan dalam Pelan Strategik BSM dengan sesi penyerahan itu dimulakan kepada staf pentadbiran terlebih dahulu sebelum ia diperluaskan kepada staf akademik dengan sesi penganugerahan selepas itu disampaikan oleh Pendaftar, Timbalan Naib Canselor dan Naib Canselor. Sesi Penyerahan Surat Kenaikan Pangkat telah bermula sejak 27 September 2019 dengan Ketua BSM menyampaikan surat kenaikan pangkat.

Ketika di Bahagian Komunikasi Korporat (BKK), beliau telah menggerakkan usaha menarik produksi luar untuk mengadakan penggambaran di kampus UPSI. Beliau telah membentangkan kertas kerja di hadapan Jawatankuasa Pengurusan Universiti bagi menetapkan kadar yang bersesuaian. Kertas kerja tersebut kemudiannya telah mendapat kelulusan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 5/2019 dan Jawatankuasa Tetap Kewangan UPSI. Caj yang dikenakan adalah minimum memandangkan universiti

juga mendapat manfaat melalui promosi yang dibuat hasil daripada penggambaran tersebut.

Pada 12 Mac 2019, Ahmad Janatul telah memulakan usaha untuk menjalin kerjasama dengan stesen TV seperti ASTRO melalui Dato' Khairul Anwar Salleh, Naib Presiden Bahagian Perniagaan Melayu, Ketua Bahagian Melayu dan Nusantara/Kumpulan Kandungan ASTRO. Cadangan kerjasama ini bermula apabila Ahmad Janatul sendiri pernah dijemput dalam produksi ASTRO melalui Segmen Fan Beat pada tahun 2002.

Ketika di Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), beliau merupakan individu penting yang menggerakkan usaha mendapatkan kelulusan Pengakreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) bagi tujuan penganugerahan kredit (APEL C) termasuk menggubal dasar APEL C untuk UPSI. Pelaksanaan APEL C di UPSI pada masa kini merupakan sumbangan beliau ketika di BHEA.

Beliau juga memperkenalkan kaedah penyampaian dasar akademik melalui pengenalan Surat Pekeliling Pengurusan Akademik (SPPA) yang digunapakai sehingga kini melalui "i-DIVAC" BHEA dan kemudiannya diperluaskan kaedah itu di Institut Pengajian Siswazah (IPS) oleh pentadbir IPS. Sebelum itu pada 2016, beliau memperkenalkan kaedah yang sama dengan pengenalan SPP UPSI (Surat Pemberitahuan Persatuan/Kelab/Badan Pelajar) melalui inovasi "i-stuceity" yang

bertujuan memaklumkan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar agar sistem penyampaian dapat berjalan lancar dan SP Pentadbiran BPS (Surat Pemberitahuan Pentadbiran Bahagian Pembangunan Sahsiah) melalui inovasi "i-adcircu" bagi memudahkan kakitangan dan pelajar mendapatkan hebahan dan maklumat pentadbiran Bahagian Pembangunan Sahsiah, JHEPA yang terkini.

Ketika di Fakulti Sains Sukan, beliau pernah menerima Pingat Gangsa dalam Pertandingan Inovasi dalam Pengurusan UPSI 2010 menerusi inovasi "Kecce" iaitu himpunan maklumat berkaitan fakulti dapat diakses dalam satu sumber. Beliau juga pernah mewujudkan Manual Pengurusan Jawatankuasa yang mengandungi maklumat berkaitan mesyuarat, jawatankuasa, keanggotaan dan juga jadual mesyuarat serta agenda. Ia juga telah digunakan ketika berkhidmat di Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni dan Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif.

Sumbangan beliau ketika di Fakulti Sains Sukan ialah berita dan aktiviti di fakulti tersebut banyak tersiar di Warta Kampus UPSI sesuai dengan peranannya sebagai editor. Ini telah meningkatkan keterlihatan fakulti di mata warga UPSI.

Ketika pandemik COVID-19, beliau sebagai Ketua Bahagian Sumber Manusia mewujudkan Program Staf UPSI Prihatin (SUPRIN) iaitu satu program menggalakkan kakitangan UPSI membantu pusat tanggungjawab lain yang

memerlukan bantuan dalam menjalankan tugas melawan COVID-19. Projek ini dijalankan bermula Mac hingga Mei 2020 ketika waktu kritikal COVID-19. Bantuan pelitup muka dan pensanitasi tangan kepada *frontliners* (Petugas Pusat Kesihatan UPSI dan Bahagian Keselamatan UPSI) selain pemberian makanan percuma juga diberikan pada ketika itu.

Ketika diberi kepercayaan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penjurian Anugerah Pentadbir Universiti Awam pada 2016, beliau telah memperkenalkan anugerah yang sama di UPSI sebagai menyediakan pentadbir untuk menyertai anugerah di peringkat MASTI. Usul Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada 29 Jun 2016 telah berjaya direalisasikan dengan cadangan tambahan anugerah bagi Anugerah Kecemerlangan Staf pada tahun 2017. Anugerah-anugerah itu ialah Anugerah Pentadbir Cemerlang UPSI (Kategori Kreativiti & Inovasi), Anugerah Pentadbir Cemerlang UPSI (Kategori Penulisan) dan Anugerah Pentadbir Cemerlang UPSI (Kategori Khidmat Komuniti).

Pada tahun 2020, ketika mengetuai Bahagian Sumber Manusia (BSM), beliau menyediakan satu kertas kerja bagi mengaktif semula Anugerah Kecemerlangan Staf yang memfokuskan kepada Anugerah Kecemerlangan Staf Pentadbiran UPSI. Mesyuarat Pengurusan Universiti Bilangan 2/2020 pada 12 Februari 2020 telah bersetuju dengan cadangan mengaktifkan Anugerah Kecemerlangan

Staf Pentadbiran UPSI dengan kelulusan bajet bagi pelaksanaan anugerah pada tahun 2020 melibatkan tiga anugerah. Majlis penyampaian Anugerah Kecemerlangan Staf Pentadbiran 2019 berlangsung pada 9 Mac 2020 di Dewan SITC bersempena Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 berjaya mencatatkan sejarah kewujudan semula Anugerah Tertinggi Pentadbir yang kali terakhir diadakan pada 2015. Usaha ini sangat signifikan kerana hasrat beliau untuk melihat penerima Tokoh Pentadbir UPSI yang baharu menjadi kenyataan. Beliau merupakan penerima Tokoh Pentadbir UPSI pada 2015.

PENGLIBATAN DI PERINGKAT KOMUNITI/ MASYARAKAT DAN PERSATUAN

Ketika di UITM, beliau aktif dalam kerja-kerja persatuan melalui Badan Peer Kaunselor dan juga Persatuan Undang-undang. Terlibat dalam penganjuran program sebagai Penyelia dan Pengarah Program bagi aktiviti CSR dan program luar negara seperti Medan, Indonesia dan Perth, Australia. Pendedahan inilah yang mendorong beliau untuk meneruskan kerja-kerja kebajikan dan membela golongan pekerja di UPSI.

Beliau pernah memberi sumbangan kepada negeri Perak dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah apabila dilantik sebagai Hakim Pendidikan dan Latihan, Anugerah Desa Perdana pada 2018. Aktif dalam kerja-kerja kebajikan dan pernah mengetuai PERKIM Cawangan Tanjong Malim selain terlibat dalam Persatuan Sejarah

Cawangan Perak dan sejak 2017 menjadi ahli seumur hidup Persatuan Karyawan Perak.

Beliau memberi sumbangan yang signifikan dalam industri kreatif negara apabila dilantik sebagai Setiausaha Festival Filem Pelajar Malaysia (FFPM), satu program berprestij melibatkan mahasiswa yang telah diadakan pada 19 hingga 20 Oktober 2022.

Ahmad Janatul menyifatkan pelantikan beliau di Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif pada 2020 sebagai individu yang diharapkan untuk menguruskan penstrukturan fakulti itu sehingga Fakulti Komputeran dan Meta Teknologi (FKMT) berjaya diwujudkan dan Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK) berjaya diperkasakan pada hari ini. Pengurusan tugas tersebut beliau lakukan sejak 2021 apabila ada cadangan penubuhan fakulti. Kemudiannya, selepas Amanat Naib Canselor pada 16 Februari 2022, beliau terus menguruskan hal penstrukturan fakulti ini sehingga kelulusan LPU pada 30 Mei 2022 dan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada penghujung 2022. Selepas urusan itu selesai pada 2023 dan kedua-dua fakulti tersebut mula beroperasi, beliau dipindahkan ke Pejabat Karang Mengarang (PKM).

ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN

Jurulatih bertauliah Neuro-linguistic programming (NLP) dari Akademi NLP Malaysia ini merupakan *subject matter expert* (SME) bagi pengurusan bakat berasaskan kompetensi dan juga CBI- BESA

(Competency Based Instrument: BESA (Behavioural Event Self Assessment (BESA)). Beliau juga pernah terlibat di peringkat Universiti Awam apabila dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Sumber Manusia Universiti Awam 2019-2020.

Sepanjang 22 tahun perkhidmatan, beliau menerima lebih 65 anugerah yang merangkumi anugerah perkhidmatan, anugerah kualiti, anugerah integriti, anugerah inovasi, anugerah kreativiti, anugerah nyanyian, anugerah seni, fotografi dan busana, anugerah ICT, anugerah media, anugerah sastera dan anugerah sukan.

Pada 22 Disember 2023 lalu, beliau telah mengharumkan nama UPSI dengan menerima Anugerah Buku Negara 2023 bagi kategori Pengajian Tinggi Buku Biografi Terbaik (Tokoh Pendidikan) melalui penerbitan buku 'Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid: Pelopor Pembaharuan Pendidikan Negara' yang ditulis bersama dua penulis lain.

Pencapaian terbesar beliau sebagai pekerja UPSI adalah ketika dinobatkan sebagai Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2019 sempena Hari Pekerja 2019.

Dilantik sebagai Presiden PRESTASI 2015-2017, beliau pernah membawa persatuan itu menerima Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang (Sektor Awam) sempena Hari Pekerja 2017 daripada YAB Perdana Menteri atas sumbangan yang besar persatuan kepada golongan pekerja.

Beliau juga pernah menerima

Tokoh Pentadbir Universiti Awam (Anugerah Kepimpinan Perdana MASTI 2018), satu anugerah berprestij Universiti Awam ketika Majlis Sambutan Hari Pentadbir Universiti Awam di Kuching, Sarawak pada 19 Ogos 2018.

Kejayaan PRESTASI memenangi Anugerah Persatuan Pentadbir Terbaik (Emas) Universiti Awam sempena Hari Pentadbir Universiti Awam 2018 merupakan usaha beliau dalam membantu persatuan bagi mengemukakan permohonan dan menyediakan dokumen sesuai dengan pengalamannya sebagai bekas Presiden PRESTASI.

Beliau menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) UPSI sebanyak tiga kali iaitu pada tahun 2005, 2009 dan 2014.

Beliau memberi sumbangan kepada entiti badan kebajikan UPSI apabila pernah menjadi AJK Badan Kebajikan Kakitangan Universiti (BKUU) dari 2002 sehingga 2006. Beliau juga pernah menjadi Pengerusi Skim N41 dalam Majlis Bersama Jabatan (MBJ) sebelum kewujudan persatuan di UPSI.

Beliau juga memberi sumbangan besar kepada kewujudan PRESTASI apabila pernah menjadi Ahli Jawatankuasa Penaja PRESTASI pada 2003, Ahli Jawatankuasa PRESTASI, 2007-2009, 2011-2013 dan diberi kepercayaan oleh ahli apabila dipilih sebagai Presiden PRESTASI pada 2015-2017.

Beliau pernah menjadi Pengarah Program Dialog Tadbir Urus PRESTASI ke Singapura pada 2 hingga 6 Jun

2008. Program ini mencatat sejarah sebagai program pengantarabangsaan pertama PRESTASI ke luar negara tanpa menggunakan peruntukan UPSI.

Antara pembaharuan yang dibuat ketika terlibat dalam PRESTASI termasuklah mewujudkan Parlimen PRESTASI iaitu menyediakan ruang kepada skim perkhidmatan Pegawai Gred 41 ke atas untuk mengutarakan idea, cadangan mahupun permasalahan atau isu, seterusnya memberi pandangan dan berbahas ala Ahli Parlimen di luar sana dalam satu platform rasmi selain memberi ruang kepada wakil ahli PRESTASI untuk berkhidmat dan membawa suara skim perkhidmatan masing-masing

Selain itu, beliau merupakan pengerusi bagi penganjuran Seminar Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (SUKSES) 2008 dan 2015, pernah mewujudkan pelan penggantian pemimpin persatuan melalui entiti diberi nama "Kepimpinan Muda" selain menjadi peneraju program hiburan seperti PRESTASI IDOL/AKADEMI PRESTASI pada 2008 dan juga Malam Bakat PRESTASI 2015 di Janda Baik, Pahang.

PELOPOR E-PEMILIHAN AJK PRESTASI

Beliau menjadi pelopor kepada e-pemilihan AJK PRESTASI (e-Decide), iaitu pemilihan AJK PRESTASI secara dalam talian. Beliau menggerakkan usaha ini bersama pegawai ICT (Rahimi Sanial, Ts Dr. Megat Azrin Ahmad, Mohd Azahar Mamat dan Khairul Asyrani Sulaiman)

ketika menjadi Pengerusi dan Penasihat Suruhanjaya Pemilihan AJK PRESTASI pada 2011, 2013 dan 2015.

MEMANTAPKAN PENGURUSAN KELAB PTJ UPSI

Beliau memberi sumbangan dalam pengurusan kelab kakitangan PTJ UPSI agar diuruskan mengikut perlembagaan dan ditadbir secara sistematik. Menamakan kelab PTJ seperti Kelab Kakitangan FSS (KLAS), Kelab Kakitangan BHEA (DIVA) dan Kelab Kakitangan BSM (HERO) selain mewujudkan perlembagaan kelab ketika di FSS, HEPA, BHEA dan BSM.

KEPIMPINAN SUKAN – PENGASAS KEJOHANAN BOLING AMATUR UPSI

Beliau mengasaskan Kejohanan Boling Amatur UPSI bermula dengan pertandingan melibatkan Pusat Penyelidikan dan Perundingan (PPP), UPSI pada 2002 dan diperluaskan kepada PTJ lain pada 2007 dan masih dianjurkan sehingga ke hari ini. Kejohanan Boling Amatur UPSI kini memasuki siri ke- 42. Kejohanan ini mempunyai data penganjuran dan maklumat pemenang yang disebar luas kepada umum melalui penerbitan buletin.

Menurut Ahmad Janatul, kejohanan ini turut berjaya mengetengahkan bakat-bakat baharu yang bukan sahaja pemain dewasa tetapi murid-murid sekolah yang diberi peluang untuk menyertai pertandingan sejak 2006. Penglibatan murid-murid sekolah ini melengkapkan makna pemain boling amatur

yang jelas diasah bakat mereka sejak daripada kanak-kanak lagi.

“Dengan penganjuran yang semakin bertambah setiap tahun, kejohanan ini terpahat sebagai satu-satunya Kejohanan Boling Amatir UPSI yang tertua dan bertaraf ‘lejen’ selaras dengan usia penganjuran yang sudah memasuki dua dekad dan masih dianjurkan,” tambah Encik Ahmad Janatul.

Beliau juga menyatakan kejohanan boling ini sangat istimewa kerana ia menjadi pemangkin kebangkitan pemain boling amatir yang menyertainya sesuai dengan hasrat penganjurannya untuk mengetengahkan pemain boling amatir dan bakat-bakat baharu untuk mula terlibat dalam sukan boling.

“Dengan UPSI bakal melancarkan Pusat Boling sendiri pada tahun 2024, kejohanan ini dilihat mampu untuk bertahan lebih lama kerana penganjuran diadakan di bumi Muallim dan tidak lagi di tempat lain” katanya lagi.

PENERBITAN

Penerima Anugerah Media UPSI 2013 ini merupakan seorang penulis artikel dalam akhbar yang memberi pandangan dan idea bernas untuk masyarakat. Sejumlah 80 artikel beliau disiarkan dalam akhbar dan majalah selain menghasilkan dan menyelenggara 14 buah buku, menulis 23 buah buku/antologi bersama dan sebanyak 191 penulisan tersiar dalam buletin serta lebih 500 penulisan dalam penerbitan dalaman. Beliau juga berpengalaman sebagai penulis teks ucapan melibatkan kenamaan.

Beliau juga merupakan penulis sejarah berkaitan Badan Kebajikan Kakitangan UPSI dan PRESTASI. Penulisan tersebut pernah diterbitkan dalam buku ‘PRESTASI, Pemenang Anugerah Kesatuan Sekerja Cemerlang 2017 (Sektor Awam)’ (ISBN:978-983-44492-5-4) dan ‘PRESTASI, Pemenang Persatuan Pentadbir Terbaik (Emas) Universiti Awam 2018’ (ISBN:978-983-44492-7-8) terbitan PRESTASI pada 2017 dan 2019.

Beliau juga pernah menyelenggara buku bertajuk ‘SUKSES 2008 - Pegawai Tadbir dan Ikhtisas Pemacu Kebitaraan UPSI’ (ISBN:978-983-44492-0-9), ‘PRESTASIERRA. Antologi Puisi PRESTASI sempena Ulang Tahun ke-4’ (ISBN:978-983-44492-1-6) dan ‘SUKSES 2015: Menjana Inovasi dalam Perkhidmatan’ (ISBN:978-983-44492-1-7), dan menulis buku ‘Persidangan Parlimen PRESTASI. Sidang 2015’ (ISBN:978-983-44492-1-6) serta buku ‘Di Sebalik Sentuhan Pentadbir’ (ISBN:978-983-44492-6-1) terbitan PRESTASI.

Beliau pernah menerbitkan buku bertajuk ‘KISA. Anekdote Senyuman COVID-19’ (ISBN:978-967-10513-6-8) bagi menghargai *frontliner* negara. Ia juga merupakan sumbangan penting beliau dalam mendokumentasi bahan berkaitan pandemik COVID-19 yang mula melanda negara bermula awal tahun 2020. Selain itu, beliau juga menukulkan sajak berkaitan COVID-19 berjudul ‘Setiap Hari Dunia Cemas Mengira Pemergian’ disiarkan dalam Berita Minggu pada 29 Mac 2020 dan cerpen bertajuk

‘Parsel’ yang diterbitkan dalam akhbar Selangorkini (27 Februari hingga 3 Mac 2020).

Beliau berpengalaman menulis dua buku biografi bersama dua penulis lain yang diterbitkan oleh Pejabat Karang Mengarang UPSI iaitu buku ‘Yahaya Ibrahim: Ikon Pendidikan Negara’ dan ‘Tan Sri Dr Wan Mohd Zahid: Pelopor Pembaharuan Pendidikan Negara’ dan sebuah buku terbitan sendiri bertajuk ‘Biografi Haji Ahmad Jannatul ‘Adnin, Rockcintan Pelopor Penstriman Video Negara’.

Beliau juga mempunyai empat kumpulan puisi persendirian iaitu Kumpulan Puisi ‘La Bola’ (2018), ‘La Jalan’ (2018), ‘La Realiti’ (2020) dan ‘La Seti’ (2023) dan mempunyai enam koleksi penulisan memoir seperti buku ‘KTE, SM Sains Muar, Nostalgia 1991’ (2011), ‘KTE, SM Sains Muar, Jejak Alumni’ (2012), ‘KTE SM Sains Muar. Tiga Puluh’ (2021), ‘DIL. Memoir Alumni LL.B, ITM, Ambilan Januari 1994’ dan ‘Masyhur: Satu Memoir, Tokoh Pekerja Negara (Eksekutif) 2019’.

PENYELIDIKAN

Beliau pernah menjalankan penyelidikan bertajuk Kajian Atitud Pelajar UPSI bersama lima orang penyelidik lain dengan mendapat pembiayaan RM20,000.00 daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) pada tahun 2013.

PINGAT DAN DARJAH KEBESARAN

Beliau dianugerahkan Pingat Pekerti Terpilih (P.P.T) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Yang ke-82 pada 19 April 2010, Pingat Pangkuan Negara

(P.P.N) sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XIV pada 2 Jun 2012 dan Pingat Mahkota Perlis (P.M.P) sempena Hari Keputeraan ke-72 Duli Yang Maha Mulia Tuanku Syed Sirajuddin ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail, Raja Negeri Perlis pada 17 Mei 2015.

Beliau turut dikurniakan Pingat Pangkuan Mahkota Wilayah (P.P.W), dikurniakan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XV, Sultan Muhammad V pada 1 Februari 2018 di Istana Negara, Kuala Lumpur dan Pingat Kelakuan Terpilih (P.K.T) yang dikurnia oleh TYT Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada 17 Julai 2018. Lima pingat kebesaran yang diterima dari Persekutuan, Negeri Perak, Perlis, Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang menyerlahkan sumbangan dan jasanya kepada negara dan negeri.

NASIHAT UNTUK KAKITANGAN

“Dengan mengikuti perjalanan kerjaya yang saya lalui, staf sambilan mahupun kontrak perlu jadikan peluang yang diberi oleh majikan dengan bekerja dengan tekun, rajin dan ikhlas. Sentiasa sematkan diri bahawa staf sambilan atau kontrak mampu cemerlang dan hebat di alam pekerjaan kerana setiap kita mempunyai kelebihan tersendiri,” kata Ahmad Janatul.

“Sentiasa bekerja dengan ikhlas tanpa mengharap balasan kerana itu kunci kejayaan seorang pekerja. Sentiasa semat dalam diri bahawa pencapaian hebat kita termasuk

pernah mengharumkan nama Universiti bukanlah tiket untuk diberi laluan khas oleh majikan sebaliknya kita perlu terus mencipta kecemerlangan setiap masa sehingga kita bersara,” tambah Ahmad Janatul ketika mengakhiri perbualan.

Sabda Rasulullah SAW, “Sesungguhnya Allah suka jika salah seorang daripada kamu melakukan sesuatu pekerjaan dengan baik dan teliti.” (Riwayat Baihaqi).



Terus mendalami bidang tarannum Al-Quran tanpa jemu – Wan Muhammad Irsyad



Oleh:
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my

Mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan Pendidikan, Wan Muhammad Irsyad bin Wan Zulkifli telah mencipta kejayaan yang membanggakan apabila merangkul tempat ketiga Kategori Tilawah (Lelaki) dalam Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran (MTQ) Peringkat Institut Pendidikan Tinggi anjuran Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berlangsung pada 26 hingga 29 Oktober 2023



bertempat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Wan Muhammad Irsyad dilahirkan di Hospital USM Kubang Kerian, Kelantan merupakan anak kedua daripada tujuh adik beradik. Anak kepada pasangan guru ini sudah meminati bidang tarannum

ketika masih kecil walaupun tidak mahir dalam ilmu tajwid untuk fasih membaca Al-Quran.

“Saya berasal dari Bachok, Kelantan. Kami bukanlah berasal dari keluarga yang senang, kedua ibu bapa saya berasal dari keluarga yang susah, tapi alhamdulillah berkat kesabaran dapatlah kami membina keluarga yang sederhana. Cukup bahagia dan dapat melahirkan lagi generasi tujuh beradik untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih baik”.

SESI PERSEKOLAH

Memulakan persekolahan di PASTI Saidina Al-Khattab di Kuala Krai Kelantan manakala

peringkat rendah di SK Muhibbah, Sandakan, Sabah dari darjah 1 hingga darjah lima kerana tuntutan tugas kedua ibu bapa. Semasa darjah enam beliau bersekolah di SK Tambun Ipoh, Perak. Peringkat menengah pula, Wan Irsyad bersekolah di SMU(A) Tarbiah Diniah Bunut Sarang Burung, Tumpat, Kelantan pada tahun 2014 dan 2015. Seterusnya, beliau menyambung pelajaran di SMU (A) Al-Kauthar, Peringat, Kota Bharu, Kelantan sehingga tamat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2018 di samping berjaya menamatkan hafazan 30 juz pada tahun 2017.

“Saya menyambung pengajian tingkatan enam dengan mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), namun tidak menghabiskan pengajian tersebut kerana mendapat tawaran Diploma Tahfiz Al-Quran dan Qiraat di Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Kelantan di Panji, di bawah kelolaan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan dengan pengiktirafan Darul Quran JAKIM, kemudiannya menyambung Ijazah Sarjana Muda Tahfiz Al-Quran dan Qiraat dengan pendidikan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)”.


SOKONGAN PENUH KELUARGA

Minat beliau dalam bidang taranum telah mendapat sokongan penuh daripada ahli keluarga. Perjalanan beliau dalam bidang taranum telah mendapat perhatian apabila pihak sekolah menjemput guru-guru yang mahir dalam bidang taranum untuk mengajar dan melatih beliau bersama rakan-rakannya yang lain.

Setelah berjaya menamatkan pengajian peringkat diploma selama tiga tahun, beliau menghabiskan masa bertalaqqi dengan guru-guru taranum yang tersohor di Kelantan antaranya ialah, Ustaz Khairul Azwar, Qari Antarabangsa Ustaz Haji Che Yahya Daud, Cikgu Mat Hussin Yunus, Ustaz Abdul Bari dan Ustaz Muhammad Qayyim Nizar (Johan Qari Antarabangsa 2023) yang merupakan sahabat karib beliau.

Saya pernah mewakili sekolah rendah untuk tilawah al-quran

peringkat daerah dan negeri, tapi tidak sampai ke peringkat kebangsaan kerana asyik dapat nombor 2 dan 3 sahaja. Manakala peringkat sekolah menengah, saya memilih meneruskan persekolah di sekolah tahfiz. Di situ, saya masuk lagi pertandingan tarannum al-quran, namun masih mendapat nombor 2, 3 dan saguhati, masih gagal untuk menjadi johan. Mungkin banyak kekurangan yang perlu diperbaiki. Namun akhirnya, saya memecahkan rekod peribadi dengan sekali



saya mendapat tempat pertama sekaligus mewakili Negeri Kelantan ke peringkat kebangsaan iaitu pada tahun 2019. Itulah pencapaian tertinggi saya.

Semasa peringkat diploma, Wan Irsyad tidak berputus asa untuk masuk pertandingan tilawah Al-Quran namun secara qiraat iaitu dengan membaca manhaj imam-imam di Mesir yang berlangsung di Darul Quran, namun disebabkan masih baharu saya gagal untuk mendapat sebarang nombor.

Walaupun tidak pernah mendapat johan, namun saya tidak berputus asa dan terus belajar melatih diri saya untuk terus membaca dan mengambil pengalaman dalam bidang taranum Al-Quran ini.

PENDORONG UTAMA

Dalam menanam minat membaca Al-Quran dan bertaranum, semuanya bermula daripada ayah saya. Dialah pendorong utama saya meminati Al-Quran dan beliaulah juga yang mengajar saya bertaranum menjadikan saya lebih minat dan dekat lagi untuk saya mendalami ilmu Al-Quran dan ilmu taranum Al-Quran.

Selain itu, faktor utama yang mendorong saya meminati Al-Quran adalah persekitaran dan suasana di sekolah tahfiz. Tiada percampuran dengan golongan hawa di sekolah, mendapat rakan-rakan yang mahir dalam bidang Al-Quran serta guru-guru yang selalu memberi nasihat dan tazkirah kepada saya dan rakan-rakan.

TIPS HAFAL AL-QURAN

Antara tips yang boleh dikongsikan sepanjang saya menghafal Al-Quran ialah dengan bangun awal sebelum waktu Subuh, barulah boleh lancarkan bacaan. Selain itu, jauhi perkara-perkara yang buruk menjerumuskan kepada maksiat seperti menjaga pandangan kita. Janganlah memandang perkara-perkara yang boleh menjauhkan diri daripada Allah SWT.

Menjadikan kedua ibu bapa sebagai idola utama, Wan Irsyad berharap agar semoga Allah SWT menjauhkan perkara-perkara tersebut dari hidup kita. Selain kedua ibu bapa, beliau menjadikan Ustaz Haji Che Yahya Daud sebagai idola untuknya terus menanamkan kecintaan terhadap Al-Quran selain Ustaz Muhammad Qayyim Nizar Sarimi.

PENGALAMAN PAHIT MANIS

Melihat ibu dan ayah gembira dengan pencapaian dan usaha saya dalam pelajaran dengan menyambung pelajaran dalam bidang Al-Quran dan sangat meminati taranum sehingga boleh mewakili peringkat kebangsaan menjadi pengalaman paling manis dan berharga dalam kehidupan saya. Namun di sebalik kemanisan itu, terselit juga kepahitan. Di saat rakan sebaya lain sudah mampu untuk menyara kehidupan keluarga masing-masing, ada yang sudah berpeluang membawa keluarga ke Mekah, namun saya masih di bawah tanggungan kedua ibu bapa saya.

KONGSI RESEPI KEJAYAAN

Tips kejayaan yang boleh saya kongsi kepada anak-anak muda di luar sana, banyakan mendalami bukan sahaja ilmu sains, matematik malah perlu seiring dengan mendalami ilmu-ilmu agama seperti ilmu Al-Quran, Tauhid, Fekah dan sebagainya supaya mendekatkan diri kita dengan Allah SWT.

Insyallah, saya akan terus menarik minat seramai mungkin anak-anak muda untuk menghafal Al-Quran kerana dengan pengalaman saya juga, saya pernah mengajar budak-budak sekolah rendah dan menengah membaca Al-Quran serta mengajar taranum secara bersemuka dan secara dalam talian pada setiap Jumaat bermula jam 9.00 hingga 10.00 malam.

Nasihat anda kepada mereka yang berminat, semoga terus mencintai Al-Quran dan berminat dalam taranum Al-Quran, sebab apabila kita minat kita akan mencuba sesuatu perkara dengan penuh kesungguhan dan penuh keazaman.

JADUAL SEHARIAN YANG PADAT

Aktiviti seharian Wan Irsyad sangat padat namun beliau membahagikan masa dengan bijak. Pada waktu pagi dan petang serta waktu malam, masanya banyak dihabiskan dengan membaca Al-Quran manakala pada waktu tengah hari dihabiskan dengan menelaah subjek dan aktiviti pengajian yang diambalnya.

Saya menggunakan

platform media sosial untuk menyebarkan kerana pada zaman kini kebanyakan orang menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian. Apabila kita banyak berkongsi tentang Al-Quran dan sebagainya, secara automatik dapat memberi manfaat kepada orang yang tengok dan baca perkongsian tersebut.

Saya juga berharap agar penglibatan saya boleh menjadi tauladan dan contoh kepada orang di sekeliling saya, kerana semua orang mempunyai minat lagi-lagi dalam bidang Al-Quran. Mungkin saya dapat menjadi contoh kepada sesiapa yang ingin memulakan belajar dan mendalami ilmu Al-Quran.

TERBUKA TERIMA KRITIKAN

Kritikan boleh jadi positif atau negatif, ia bergantung pada

keadaan dan cara penyampaian si pengkritik. Saya sendiri kerap menerima kritikan, namun saya mengambil kritikan tersebut sebagai penyuntik untuk terus membakar semangat, yang menjadikan saya ini lebih kuat dan sabar dalam apa juga ujian dan cabaran yang dihadapi. Doa ibu bapa juga turut memainkan peranan selain doa guru-guru serta sahabat-sahabat baik saya untuk terus berjaya sehingga sekarang. Tanpa mereka, saya tidak akan berada di sini sekarang.

AKTIF DALAM SUKAN

Bukan sekadar menghabiskan waktu dengan mendalami Al-Quran, Wan Irsyad juga aktif dalam bidang sukan seperti sepak takraw, bola sepak, futsal, badminton dan pelbagai jenis sukan. Selain itu, pada waktu lapangnya dihabiskan dengan

joging dan memancing. Beliau juga kerap menolong bapanya bertukang dan membancuh simen apabila cuti semester.

HARAPAN TENTANG UPSI

Harapan saya pada masa akan datang berkaitan UPSI, semoga ramai lagi pelajar-pelajar UPSI dapat mendalami dan meminati dan menyebarkan bidang Al-Quran sekaligus menjadi contoh kepada umat akhir zaman.





'Driving Range' pertama di bumi Muallim



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

PENGENALAN

Berita gembira buat penggemar sukan golf di sekitar Muallim kerana UPSI akhirnya telah merasmikan pembukaan Lapang Sasar Golf 20 bay melalui anak syarikatnya UPSI Holding Sdn. Bhd. pada 28 Februari lalu yang terletak bersebelahan Scholar Suites di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City. Sambutan hari pertama pembukaan Driving Range ini sangat luar biasa kerana mendapat kutipan hasil sebanyak lebih kurang RM900 dari peminat-peminat golf di Muallim. Pembukaan pusat ini merupakan yang pertama di daerah Muallim dan tidak hairanlah ia mendapat sambutan yang mengalakkan pada hari pertama pembukaannya. Ini kerana penggemar golf sekitar Muallim dapat menjimatkan masa perjalanan dan perbelanjaan untuk datang melakukan latihan pukulan. Sebelum ini Driving Range paling hampir ialah di Bukit Beruntung, Rawang. Selain lokasinya agak jauh pastinya ia juga melibatkan kos tambahan selain minyak dan tol yang

perlu dibayar untuk sampai ke destinasi.

PERASMIAN

Warga Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan masyarakat boleh menggunakan Lapang Sasar Golf Banjaran di Kampus Sultan Azlan Shah, Proton City selepas Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Md Amin Md Taff merasmikan. Dalam ucapan perasmianya, beliau berkata lapang sasar yang siap sepenuhnya pada Disember 2023 itu bakal menjadi tumpuan peminat golf untuk memahirkan diri dalam sukan itu.

Dijenamakan sebagai 'Driving Range Banjaran UPSI', katanya, ia bakal menjanjikan satu tarikan yang mendamaikan jiwa dengan saujana mata memandang berikutan dilatari Banjaran Titiwangsa.

"Saya menjemput orang ramai memeriahkan lapang sasar golf 20 bay ini yang dibuka setiap hari tanpa cuti bermula jam 10 pagi hingga 11 malam, kecuali Selasa bermula pukul 2 petang untuk memberi laluan kerja-kerja penyelenggaraan," katanya.

Sempena perasmian itu, beberapa pempengaruh Tiktok popular seperti Khalid

Adnan atau lebih dikenali dengan nama GMK, Khairul Naim yang mesra dengan panggilan Abang Koba serta Andi Kecanduan Golf yang juga merupakan Presiden Golfer Marhain Malaysia berkampung beberapa hari di UPSI bagi membantu mempromosi lapang sasar baharu itu.

KADAR HARGA DAN WAKTU OPERASI

Bagi kakitangan UPSI terdapat diskaun istimewa diberikan dengan kadar bayaran hanya RM12 untuk 100 biji bola atau RM8 untuk 50 biji bola. Selain menjadi spot tumpuan penggemar sukan golf, ia juga mampu meningkatkan minat orang awam kepada sukan ini dan akhirnya ia membantu merencanakan lagi pencarian bakat-bakat baharu yang boleh diketengahkan bagi mewakili UPSI sama ada dalam kategori pelajar mahupun kakitangan untuk mewakili UPSI dalam kejohanan-kejohanan yang dianjurkan oleh agensi dalaman mahupun luar UPSI.

Waktu operasi lapang sasar golf ini ialah setiap hari akan dibuka bermula jam 10.00 pagi dan akan ditutup pada jam 11.00 malam. Pembukaan lapang sasar ini juga menarik

EKSPLORASI MUALLIM

minat kehadiran pemain golf profesional negara iaitu Nicholas Fung yang bukan sahaja hadir tetapi juga sudi untuk membuat demonstrasi cara pukulan seorang golfer profesional. Tepukan yang gemuruh

sebaik sahaja Nicholas Fung menunjukkan skill pukulan yang hebat menggambarkan keterujaan tetamu yang hadir pada majlis perasmian ini atas kehadiran pemain golf profesional negara. Pihak UPSI Holding Sdn.

Bhd (UHSB) berjanji untuk menyediakan kemudahan dan perkhidmatan ke tahap yang lebih baik dan akan memperbaiki segera kelemahan yang ada berdasarkan komen dan aduan oleh para pelanggan yang hadir dari semasa ke semasa.

HARAPAN

Menurut Abdullah Annas Mohammad yang merupakan pegawai pemasaran UPSI dari Jabatan Bendahari, hasil kutipan selepas sebulan pembukaan telah mencecah RM18 ribu menunjukkan tanda positif untuk UHSB menjana keuntungan yang lebih baik pada masa akan datang. Malah permintaan yang tinggi oleh pelanggan pada bulan puasa menyebabkan UHSB mengubah waktu operasi dengan menambah waktu operasi pada sebelah malam. Ini kerana pelanggan ramai yang datang selepas mereka menunaikan solat Tarawih. Abdullah Annas juga menyatakan harapan yang tinggi untuk perniagaan bidang ini oleh UHSB berjaya bertahan dan menjadi sumber pendapatan selain dari pendapatan dari perniagaan utama iaitu perkhidmatan dalam bidang penginapan (Scholar's Suites).



Padang SITC-UPSI simbol kemegahan negara



Oleh
Dr. Raja Ahmad Shalaby bin
Raja Hassan
shalaby@upsi.edu.my

PENDAHULUAN

Padang merupakan tempat perlawanan sukan atau aktiviti luar yang lasak. Padang permainan biasanya dibuat dari rumput semulajadi atau rumput tiruan. Walaupun pasukan amatur dan rekreasi sering bermain di padang tanah tetapi asas permukaannya mestilah rata serta dilitupi rumput berwarna hijau.

Padang SITC kini UPSI, merupakan satu simbol kemegahan negara serta terkenal sebagai sebuah padang acara dari rumput asli yang sangat luas dan tercantik di negara ini pada suatu ketika dahulu. Di hadapan padang ini ditanam pula dengan pokok Tembusu (*Cyrtophyllum fragrans*). Pokok ini dikatakan ditanam pada era SITC dan berusia lebih 100 tahun, seusia dengan padang. Pokok Tembusu ini mempunyai nilai sentimental dan sejarahnya yang tersendiri khususnya dalam kalangan Anak Kandung SITC. Ia dijadikan tempat berteduh bagi orang ramai yang


menghadiri acara di padang. Banyak peristiwa besar dan bersejarah berlangsung di padang ini sebelum kewujudan padang lain yang lebih cantik dan terbinanya stadium terbuka yang moden.

Antara padang permainan yang terawal dan cantik di negara kita ialah Padang Kelab Selangor (1903) kini dikenali sebagai Dataran Merdeka, padang MCKK (1905), padang Anderson School Ipoh (1909), padang Maxwell School Kuala Lumpur (1917) dan padang SITC Tanjong Malim Perak (1922). Di antara padang-padang yang terdapat di negara sebelum merdeka, padang SITC merupakan yang paling luas dan tercantik di zamannya. Banyak sekolah elit di seluruh negara ketika itu mahu mengadakan perlawanan bola sepak atau hoki persahabatan dengan pasukan SITC. Keluasan padang SITC dikatakan mencapai 30 ekar atau lebih kurang 121,400 meter persegi. Ramai tokoh sukan negara mendapat latihan dan beraksi di padang ini.

ABDUL RAHMAN HAJI MAHYUDDIN

Sekitar tahun 1920 hingga 1930-an, pasukan bola sepak dan hoki SITC dikatakan

antara pasukan yang terbaik di antara sekolah-sekolah dan maktab-maktab di Malaysia hasil daripada latihan yang diadakan di padang SITC. Tambahan



pula terdapat pengetua O.T. Dussek dan Cikgu Abdul Rahman Haji Mahyuddin yang merupakan 'kaki bola'. Padang SITC juga kerap kali dijadikan sebagai tempat perlawanan akhir bagi acara sukan tersebut. Cikgu Abdul Rahman merupakan salah seorang pemain kebangsaan dalam Piala Malaya tahun 1921. O.T. Dussek yang mengambilnya sebagai guru SITC pada tahun 1922 kerana tertarik dengan

kelincahannya di padang bola.

Abdul Rahman berasal dari Alor Gajah, Melaka dan ditugaskan untuk mengajar subjek Ilmu Alam dan Ilmu Bumi. Pada 1923 beliau dilantik sebagai Pengurus Permainan Padang yang pertama di SITC. Beliau bertanggungjawab mengelola perlawanan acara sukan di padang. Beliau amat disenangi kerana kecekapannya mengurus perlawanan. Sejak itu pasukan bola sepak SITC merupakan pasukan yang disegani kerana sentuhan Abdul Rahman. Tanpa kelibat beliau, perlawanan bola sepak dikatakan hambar dan kurang menarik.

Dalam catatan sejarah perlawanan bola sepak di Malaysia bermula dengan tertubuhnya Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) atau Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Malaysia di Kuala Lumpur. Tokoh penting yang memainkan peranan penting ialah Sir Andrew Caldecott (1884-1951). Beliau merupakan seorang pentadbir kolonial British di Malaya dan pernah berkhidmat sebagai *Acting Resident of Perak* (1930-1931). Beliau merupakan rakan kepada pengetua SITC O.T. Dussek. Beliau menubuhkan Persatuan Bola Sepak Malaysia pada tahun 1921 di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Tujuan utamanya bagi menggiatkan lagi aktiviti sukan bola sepak

negara. Sejak itu, perlawanan bola sepak semakin kerap digerakkan oleh FAM dan semakin ramai rakyat yang gemar bermain bola sepak di padang.

Tan Sri Profesor Emeritus Dr. Khoo Kay Kim pernah berucap dalam 'Forum Mempertahankan Maruah Melayu', yang dianjurkan oleh Gabungan Merdeka Rakyat pada 30 September 2015. Beliau pernah berkata, "orang-orang Melayu memang cukup gilakan bola sepak". Mengikut Khoo lagi, "British mewujudkan Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) pada tahun 1922. Pada masa itu mereka miliki padang paling luas di semenanjung tanah air. Ia digunakan untuk anak-anak Melayu bermain bola sepak."

Piala Malaysia bermula pada tahun 1921 pada ketika itu sebagai Piala Malaya yang merupakan kejohanan bola sepak antara negeri-negeri yang membentuk Tanah Melayu. Kini kejohanan Piala Malaysia telah mencecah lebih 100 tahun usianya, hampir sama dengan usia SITC yang ditubuhkan pada 1922.

IBRAHIM ANUAR

Seorang lagi anak Melayu yang menjadi kebanggaan kerana kehandalannya dalam bola sepak ialah Ibrahim bin Anuar. Beliau merupakan anak Melayu pertama menjadi pengadil bola sepak di peringkat antarabangsa.

Beliau lulusan SITC tahun 1935 dan pernah menjadi guru besar di Sekolah Dato' Bandar Rasah, Seremban. Pada tahun 1928 hingga 1930, beliau bermain bola sepak mewakili Sekolah Melayu Rantau. Pada tahun 1933 hingga 1935, mewakili SITC dalam pasukan bola sepak, hoki dan renang semasa masih belajar. Pasukan bola sepak dan hoki SITC pada masa itu merupakan pasukan yang terhandal sekali di Tanah Melayu kerana sering menjadi johan dalam pertandingan. Beliau kemudian mewakili Negeri Sembilan dalam sukan bola sepak dan hoki (1936-1952), menjadi pengadil bola sepak Negeri Sembilan (1954-1956) dan pengadil bola sepak Persekutuan Tanah Melayu (1957-1960). Beliau menjadi penjaga garisan tepi dalam pertandingan akhir Piala Malaya pada tahun 1957, 1959 dan 1960.

Mulai tahun 1960, Ibrahim dilantik sebagai pengadil bola sepak antarabangsa. Pada tahun tersebut, beliau menjadi pengadil dalam pertandingan akhir bola sepak Piala Asia di Seoul, Korea Selatan dan merupakan anak Melayu pertama dihantar keluar negara menjadi pengadil. Pada tahun 1961, beliau dilantik menjadi pengadil perlawanan bola sepak sempena Hari Kemerdekaan Vietnam Selatan di Bandar Raya Saigon. Peranannya sebagai pengadil bola

sepak mendapat pujian di peringkat antarabangsa.

NIK AHMAD HAJI YAAKUB

Seorang lagi lulusan MPSI Tanjong Malim yang menjadi pengadil bola sepak antarabangsa ialah Nik Ahmad Haji Yaakub. Beliau berasal dari Kelantan, memulakan kerjaya sebagai guru berkelulusan Diploma Perguruan MPSI pada 1975 dan Ijazah Pendidikan Jasmani Universiti Putra Malaysia pada 2000. Beliau berkecimpung selaku pemain serta jurulatih bola sepak bersama skuad bawah 19 tahun negara pada lewat 1980-an sebelum memilih karier selaku pengadil. Nik Ahmad menabur bakti sebagai Pengurus Audit Teknikal dan Pesuruhjaya Perlawanan - Football Malaysia Limited Liability Partnership (FM LLP) sebelum bersara pilihan pada 1 Februari 2015. Dalam kerjaya beliau menjawat jawatan sebagai Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Sukan, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 2009 hingga 2015, Pengurusan Kepengadilan, Persatuan Bola Sepak Malaysia, Kelana Jaya, Selangor pada 2000 hingga 2008, Konsultan dan Instruktur Pengadil, Persatuan Sepakbola Seluruh Indonesia (PSSI). Beliau juga dilantik sebagai Head of Refereeing Department, Asian Football Confederation (AFC) Kuala Lumpur di bawah Majlis Sukan Negara

Malaysia pada 2000 hingga 2008, dan terpilih sebagai Pengadil Bola Sepak FIFA pada 1992 hingga 2000.

NOSTALGIA PADANG SITC

Ketika meletusnya Perang Dunia Kedua, tentera Jepun menjadikan SITC sebagai markas semasa pendudukan mereka mulai tahun 1941 hingga 1945, lebih kurang 3 tahun 8 bulan. Seluruh kawasan SITC merupakan kawasan larangan. Orang awam tidak dibenarkan masuk kecuali mereka yang ditangkap untuk dibicarakan atau ditawan. Dalam kawasan SITC juga merupakan tempat tentera Jepun menghukum orang yang dikatakan 'bersalah'. Kawasan ini dibahagikan kepada beberapa zon bagi tujuan tertentu seperti pentadbiran, penyiksaan, penjara dan hukuman pancung dilaksanakan. Kawasan padang SITC menjadi tempat kereta berkuda tentera dan dibina kubu-kubu pertahanan tentera Jepun.

Selepas perang tamat pada tahun 1946, kawasan SITC dipenuhi dengan semak samun. Pagar buluh Cina yang ditanam di sekeliling kawasan sudah tidak terurus lagi dan bersepah di sana sini. Kaca-kaca bertaburan di tengah padang dan di kawasan sekeliling rumah penuntut. Di padang bola yang luas itu terdapat kubu-kubu

dan lorong perhubungan berbentuk zig zag. Pernah dijumpai seekor harimau kumbang di bekas kebun teh berdekatan dengan padang. Di sekitar kebun sayur yang diusahakan oleh penuntut pula merupakan tempat menanam mayat mangsa pancung tentera Jepun.

Pada lewat tahun 1940-an daerah Tanjong Malim dijadikan sebagai pusat operasi gerakan militan penganas komunis. Anggota Parti Komunis Malaya (PKM) menjadikan Tanjong Malim sebagai pusat bagi menjalankan kegiatan mereka seperti sabotaj, membunuh, mengugut orang awam dan pengkhianatan harta benda awam. Akibat daripada kegiatan penganas yang aktif, menyebabkan kerajaan British mengisytiharkan darurat di seluruh Tanah Melayu pada tahun 1948. Pada 3 Mac 1950, jam 8.30 pagi, sehelai bendera komunis telah ditemui oleh pelajar-pelajar SITC yang dikibarkan pada sebatang tiang di padang maktab, kira-kira 15 ela dari pintu hadapan jalan besar. Ia telah dipasang oleh pihak komunis atau penyokong mereka pada sebelah malamnya. Beberapa keping risalah komunis juga ditemui telah ditampal di beberapa batang tiang yang terdapat di sepanjang jalan besar. Pihak polis telah menurunkan bendera serta memusnahkan risalah-risalah tersebut untuk mengelakkan

WARISAN IBU KANDUNG

penduduk terpengaruh dengan propaganda komunis.

Perintah Berkurung kemudian diisytiharkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Jeneral Sir Gerald Templer pada 27 Mac 1952. Beliau menaiki kereta perisai dari Kuala Kubu ke Tanjong Malim lalu memasuki padang SITC bersama sepasukan askar. Mereka berlutut di sekeliling kawasan padang dengan menghala muncung senjata ke arah sekitar membentuk formasi kawalan keselamatan. Di Dewan Besar SITC Templer berucap kepada lebih 350 orang hadirin yang terdiri daripada penghulu, pemimpin masyarakat dan penduduk kampung. Perintah berkurung telah diperkenalkan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti aktif dengan aktiviti-aktiviti keganasan komunis. Konsep 'Kawasan Putih' dan

'Kawasan Hitam' juga diguna pakai untuk memudahkan pihak Pentadbiran Tentera British (BMA) melaksanakan kerja mereka dalam mengekang aktiviti-aktiviti komunisme. Kawasan Putih bermaksud kawasan tersebut telah bebas daripada anasir komunis, dan sebaliknya bila merujuk kepada Kawasan Hitam.

Peranan padang SITC juga amat besar bagi masyarakat sekitar daerah Tanjong Malim dan negeri Perak. Di padang inilah berlangsungnya acara-acara sukan, perhimpunan masyarakat tempatan semasa zaman darurat, sambutan hari kemerdekaan peringkat negeri, perbarisan pasukan beruniform seperti Federated Malay State Volunteer Force (FMSVF), Jambori Pengakap, Pandu Puteri dan Bulan Sabit Merah Peringkat Kebangsaan. Kawasan padang ini juga dijadikan sebagai tempat

pendaratan helikopter yang membawa pemimpin-pemimpin negara yang mengadakan lawatan ke kampus SITC-UPSI.

PENUTUP

Kini, padang ini telah dilengkapi dengan sistem lampu limpah ala stadium. Ia membolehkan perlawanan atau kegiatan sukan dapat dilangsungkan pada waktu malam. Pada waktu petang ramai juga yang berlatih bermain golf kerana ratanya padang tersebut, ditambah dengan rumputnya yang cantik seperti padang golf. Sesungguhnya padang SITC-UPSI amat istimewa serta menjadi simbol kemegahan rakyat dan negara. Banyak peristiwa menarik lagi bersejarah terakam di sini. Bagi sesiapa yang melalui kawasan ini pasti teruja untuk menjejaki dek kerana kecantikan dan kehijauan rumputnya.



Pamer personaliti diri sendiri di media sosial



Oleh
Nurul Hafizan binti Abdul
Rahman
nurulhafizan@upsi.edu.my



Namanya pernah tular apabila kegigihannya memandu sejauh 130 km bagi mendapatkan rangkaian internet kerana perlu mengikuti Pembelajaran Jarak Jauh (ODL) selepas menara telekomunikasi di daerah Telupid, Sabah rosak kerana terbakar. Uniknyanya, dia memilih untuk belajar di dalam bonet kereta untuk mencapai rangkaian terbaik.

Anis Arina Aqilah binti Roslee, ataupun lebih mesra digelar sebagai Nisa Rina ataupun 'akak bonet' selepas kejadian tular tersebut. Anak sulung daripada tiga orang adik-beradik ini agak pemalu pada pertama kali berjumpa, tapi peramah apabila sudah biasa dan pendiam. Seorang *introvert* tetapi dalam masa yang sama ini tidak menjadikannya takut untuk tampil di hadapan orang.

ALIRAN BERLAINAN SETIAP PERINGKAT MENENGAH

Saya bermula dengan pendidikan prasekolah di Taman Bimbingan Kanak-kanak KEMAS di Daerah Telupid, diikuti dengan pendidikan sekolah rendah di SK Pekan Telupid. Saya mengambil beberapa aliran berlainan dalam setiap peringkat menengah. Lebih kurang tujuh tahun saya menghabiskan peringkat menengah saya di SMK Telupid. Semasa berada di menengah rendah, saya merupakan pelajar aliran agama yang mengambil Bahasa Arab, manakala semasa berada di peringkat menengah atas, saya merupakan pelajar aliran perniagaan. Semasa berada di peringkat pra-universiti pula, saya mengambil aliran Pengajian Perniagaan. Kini, saya baharu sahaja selesai

bergraduat sebagai Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris, dan berjaya mendapatkan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Komunikasi Sosial) dengan kepujian kelas pertama.

PAHIT MANIS KEHIDUPAN

Pengalaman paling manis dalam hidup saya adalah ketika belajar dari bonet kereta. Walaupun pada asalnya saya merungut dan agak marah dengan keadaan semasa, tapi jadi rindu bila dikenang kembali. Dalam arus kemodenan ini, tidak semua orang diberi peluang untuk hidup dalam situasi yang tidak ada talian telefon dan internet untuk satu jangka masa yang lama. Pengalaman semasa saya belajar dari bonet kereta banyak mengajar saya untuk jadi lebih bersyukur dengan apa yang saya ada. Malahan, ia juga mengajar saya untuk lebih bersedia untuk sebarang aral yang akan melintang pada masa akan datang dan tidak cepat melenting dan berputus asa dalam menyelesaikan apa-apa masalah yang melanda. Lebih-lebih lagi, ianya satu nikmat apabila saya dalam meluangkan masa dekat dengan alam sepanjang belajar dari bonet kereta.

Pengalaman yang paling pahit bagi saya adalah apabila saya kehilangan tujuh orang ahli keluarga (ibu saudara, ayah saudara dan nenek) sepanjang saya merantau. Saya tidak dapat pulang untuk melihat jenazah mereka disebabkan oleh kekangan masa dan kewangan. Situasi ini mengajar saya untuk jadi lebih cermat dalam mengendalikan kewangan agar sentiasa rasa wang yang

mencukupi untuk pulang ke 'sarang' pada bila-bila masa.

PENGLIBATAN DUNIA TIKTOK

Saya bermula dengan dunia TikTok pada tahun 2020 di mana pada ketika itu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diimplementasikan kerana penularan wabak Covid-19. Ketika itu, sesi kuliah bagi semester 1 2019/2020 baru sahaja berakhir. Disebabkan saya terperangkap di rumah sewa berikutan PKP dikeluarkan, saya mula berjinak-jinak dengan platform TikTok yang menjadi bualan hangat. Saya bermula sebagai seorang pengguna dan akhirnya berjinak-jinak dalam mencipta kandungan disebabkan oleh rasa ingin tahu.

Tujuan utama saya mencipta kandungan di platform TikTok ini adalah untuk melihat sejauh mana teori-teori 'clickbait' dalam elemen penciptaan kandungan yang saya pelajari semasa sesi kuliah pada ketika itu, efektif jika dipraktikkan? Secara tidak langsung, video pertama saya tular dan menjadikan saya bertahan sebagai seorang pencipta kandungan sampai ke hari ini.

PERJALANAN SEBAGAI INFLUENCER

Saya mencipta kandungan sebagai anak yang merantau demi meneruskan pendidikan. Kandungan utama saya majoritinya mengenai kehidupan seharian dan pendidikan, kini saya bertukar sedikit lebih ke alam pekerjaan memandangkan saya sudah mula bekerja.

Konten mengenai 'Stereotaip kos pendidikan di Universiti' merupakan kandungan terawal dan tular buat pertama kalinya. Dengan trend kandungan ini, jumlah pengikut saya meningkat secara drastik dan mendapat perhatian anak-anak muda. Selepas itu, saya tular lagi beberapa kali dengan kisah yang berbeza seperti 'Membenteng dari Telefon Rumah', 'Belajar dari Bonet Kereta', 'Pensyarah Kiriman Syurga', 'Menyelamatkan Bayi yang Dibuang' dan banyak lagi.

Daripada kandungan yang saya cipta, lebih 186 buah artikel telah diterbitkan. Kisah saya turut diputar di radio dan saya turut dijemput ke beberapa buah stesen televisyen dan radio seperti Infinitreen di TV1, Rancangan Borak Kopitiam di TV3, MeLeTOP, Radio ERA, Hot FM dan banyak lagi.

Saya juga pernah mendapat liputan berita dari luar negara seperti Singapura. Malahan saya juga berpeluang untuk bekerjasama dengan beberapa buah badan kementerian seperti Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, Kementerian Kerajaan Perumahan dan Tempatan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk penciptaan kandungan media sosial. Daripada perjalanan sebagai pengengaruh ini juga, saya dijemput ke beberapa buah universiti di Malaysia seperti UM, UNIMAS, UPM, UTHM, UMS, dan UPSI sebagai speaker. Selain itu, saya merupakan pengacara majlis, juruvideo, jurufoto, pelakon alih suara, *freelance trainers (content creation,*

marketing dan personal branding).

GENRE TIKTOK

Genre kandungan di dalam TikTok saya lebih kepada gaya hidup dan juga pendidikan. Saya membina kandungan di platform TikTok mengenai pengalaman dan kisah saya merantau, memandangkan saya anak kelahiran Sabah dan merantau ke semenanjung untuk bekerja. Dalam masa yang sama juga, saya juga menuntut ilmu di UPSI. Ini menjadikan kandungan utama dalam profil TikTok saya adalah mengenai gaya hidup dan pendidikan dan mewujudkan 'handler' Tik Tok saya sebagai 'Nisa Rina | Anak Perantau'.

KONGSI PERKARA BAIK DALAM KONTEN

Saya hanya bergerak seorang sahaja sebagai pencipta kandungan. Dari segi mendapatkan idea untuk penciptaan kandungan adalah saya lebih melihat kepada nilai baik yang saya perolehi daripada setiap pengalaman yang dilalui. Apa sahaja perkara yang baik dan mungkin turut sama dialami oleh orang lain saya akan terbitkan. Empat pendekatan utama yang saya aplikasikan dalam pembinaan kandungan adalah kandungan yang berkonsepkan pendidikan, kandungan yang berkonsepkan relatability, aspek hiburan, dan beremosi.

Saya tidak ada cara khusus untuk menarik pengikut. Tujuan utama saya mencipta kandungan di platform TikTok lebih kepada ingin menginspirasi masyarakat,

khususnya anak muda dalam bidang pendidikan. Apa yang saya pameran di media sosial itu adalah personaliti diri saya yang sebenar. Jika bagi sesetengah orang kandungan yang saya kongsi itu menarik dan baik untuk diteladani, mereka boleh mengikuti saya jika mahu. Saya tidak memaksa atau menarik individu untuk mengikuti saya kerana saya inginkan populariti, tetapi saya ingin mereka mengikuti saya kerana personaliti dan ada yang baik untuk diteladani.

Saya hanya mencipta kandungan di platform TikTok. Tetapi saya akan menggunakan platform YouTube untuk melakukan sesi perkongsian secara dalam talian bagi inisiatif 'Upscale Yourself with Nisa' yang telah saya laksanakan selama dua tahun. Saya juga mempunyai channel Telegram yang memuatkan lebih daripada seribu pengikut di dalamnya untuk sesi perkongsian mengenai pendidikan, kemahiran sosial dan sebagainya.

BERDISIPLIN DAN TIDAK SUKA BERTANGGUH

Disiplin dengan masa dan tahu keutamaan semasa. Semasa saya masih seorang pelajar, keutamaan saya adalah belajar. Walaupun saya bergiat aktif dalam aktiviti kurikulum, ko-kurikulum dan ekstra kurikulum di dalam dan luar negara, saya tetap meletakkan pendidikan sebagai keutamaan saya, penciptaan kandungan dan berprogram adalah perkara sampingan. Cuma sekarang ini apabila saya sudah bekerja, pekerjaan adalah keutamaan saya, dan penciptaan

kandungan adalah sampingan.

Cara saya dalam membahagikan masa untuk pelajaran, pekerjaan, penciptaan kandungan adalah dengan penetapan jadual. Saya akan menetapkan jadual untuk hari saya fokus pada pendidikan dan pekerjaan, hari saya berprogram dan hari khusus untuk penciptaan kandungan dan memenuhi jemputan luar. Saya cuba untuk tidak bertanggung dan ikuti jadual saya. Cuma, masih ada masa yang kadang-kadang saya terlepas pandang, tetapi saya masih tidak memandangkan enteng dengan kualiti kerja yang saya sediakan.

JADI CONTOH YANG BAIK KEPADA PENGIKUT

Saya tidak katakan apa yang saya lakukan semua itu adalah benar sebagai seorang pemimpin di media sosial. Saya juga manusia, pasti ada kesilapan dan kekurangan yang saya lakukan secara tidak disedari. Namun, apa yang saya selalu katakan kepada para pengikut saya adalah, "Mana-mana yang anda semua rasa baik boleh dijadikan tauladan dan mana-mana yang kurang jadikan teladan dan jangan ulangi."

Namun dari segi pendidikan pula, saya berharap kepada para pengguna kandungan saya untuk menimbang balik mengenai perkongsian saya di media sosial. Pendidikan merupakan satu komponen yang sangat penting dan diperlukan untuk memenuhi keperluan spiritual dan rohani. Ramai yang menganggap pendidikan sudah tidak penting memandangkan ada antara kita yang berfikir banyak jalan

yang boleh diteroka untuk menanggung kehidupan, namun bagi saya, pendidikan adalah satu keutamaan khususnya dari cara kita berfikir, menganalisis dan membuat keputusan dalam kehidupan seharian. Kematangan ini juga akan berbeza tahapnya dengan ada pengaruh dari segi pendidikan.

Berpegang kepada prinsip, jalan yang sukar, membawa kepada jalan yang indah pada hujungnya. Lakukan perkara yang anda suka dan ada hati, *you'll bloom in your own ways*.

ATASI KRITIKAN DENGAN TENANG

Setakat ini kritikan yang saya dapat itu tidaklah terlalu banyak tetapi masih ada, kurang dari lima peratus secara keseluruhan. Namun, apabila mendapat kritikan, perkara pertama yang saya lakukan adalah menilai kritikan yang diterima. Adakah ianya kritikan yang membina atau menjatuhkan? Sebarang kritikan yang membawa saya lebih ke arah kebaikan, saya akan timbal balik untuk implementasikan dalam kehidupan seharian. Mana-mana yang lebih kepada berbau negatif dan menjatuhkan saya biarkan sahaja dan tidak melenting.

JADUAL YANG PADAT BUKAN HALANGAN UNTUK SAMBUNG PENGAJIAN

Sekarang ini saya sedang bekerja di sebuah syarikat kasut iaitu Bata Malaysia sebagai Senior E-Comm Executives. Dalam masa yang sama, saya masih bergiat aktif dalam

penciptaan kandungan, pengalihan suara, pengacaraan dan 'review'. Projek terkini saya adalah bersama Kementerian Pengajian Tinggi, untuk penghasilan video berkaitan peringkat pengajian tinggi. Terdapat empat buah video yang telah dirakam dan akan keluar tidak lama lagi. Saya turut mengacarakan beberapa buah anugerah bagi syarikat terkemuka di sekitar hujung Januari. Sepanjang hujung minggu pula saya bergerak aktif ke universiti-universiti di seluruh Malaysia yang menjemput saya bagi program mereka dan baru-baru ini saya baru sahaja pulang dari Universiti Malaya dan UPSI. Insha-Allah, pada bulan April saya akan kembali ke UPSI semula untuk beberapa buah program yang lain. Dari segi pendidikan pula, perancangan saya, saya ingin meneruskan pengajian bagi peringkat Ijazah Sarjana juga dalam tahun ini.

Saya suka untuk mencipta kandungan di mana ianya sebenarnya berkaitan dengan bidang pendidikan saya dan minat saya ini bertukar menjadi kerjaya sekarang namun saya adalah orang tidak ada hobi yang tetap. Saya cepat bosan dengan sesuatu perkara. Ini menjadikan saya mencuba banyak benda setelah saya mempelajarinya. Tetapi saya temui satu persamaan di antara kesemua perkara yang saya telah cuba iaitu berkaitan dengan aktiviti ekstrem dan luar dari zon selesa saya.

FAKTOR PEMBAKAR SEMANGAT UNTUK BERJAYA

Diri saya sendiri menjadi faktor untuk berjaya. Saya merupakan anak sulung dan dibesarkan di kawasan luar bandar yang jauh

dengan kota metropolitan. Dalam kehidupan di dunia sebenar, stereotaip yang diletakkan pada seorang wanita adalah 'kurang berjaya', manakala, stereotaip yang diletakkan untuk anak luar bandar adalah 'tidak akan berjaya'. Saya ingin tunjukkan kepada semua, tanpa mengira jantina dan latar belakang sosial, semua orang boleh berjaya tidak kira di mana anda berada. Yang paling penting, kena berusaha dan tidak mengalah.

Selain itu, sokongan ahli keluarga, rakan-rakan dan para pensyarah yang membawa saya ke hari ini. Tanpa sokongan dan dorongan dari mereka, saya mungkin sedikit lambat untuk berada di sini pada hari ini.

JANGAN LETAK HAD UNTUK BERJAYA

Kalau anda ingin berjaya, jangan berada di bawah kepompong yang sama. Keluar dari tempurung, terokai dunia lain yang berbeza dari keselesaan anda. Di sana anda dapat melihat banyak perkara dari aspek yang berbeza. Cabar diri anda lebih jauh daripada had yang anda fikirkan kerana kita masih boleh pergi jauh dari itu. Kadang-kadang diri kita sendiri yang meletakkan had tersebut.

Dalam masa yang sama, jangan pernah takut dan malu untuk bertanya. Kalau kita terus menerus rasa takut, sukar untuk anda perbaiki diri untuk menjadi yang lebih baik berbanding diri anda di hari sebelumnya. Ia mungkin akan jadi agak sukar buat kali pertama tetapi tidak ada

jalan mudah untuk menuju kejayaan. Apa yang ada perlu risaukan adalah apabila jalan yang anda lalui itu mudah dan selesa. Tidak ada kejayaan yang datang hanya dengan keselesaan.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

Saya ingin kongsi perancangan saya untuk tempoh lima tahun dan 10 tahun akan datang dari aspek pendidikan dan kerjaya. Kalau dari aspek pendidikan, dalam tempoh lima tahun dari sekarang, saya melihat diri saya sudah memegang Ijazah Sarjana dan lapan tahun dari sekarang saya memegang Ijazah Doktor Falsafah juga dalam bidang yang sama; komunikasi.

Dari segi kerjaya, kini saya memegang jawatan sebagai Senior E-Commerce Executives selepas enam bulan bekerja, satu rezeki yang besar. Dalam tempoh empat hingga lima tahun akan datang, saya melihat diri saya sebagai 'Manager' di sebuah jabatan, lapan tahun akan datang saya adalah seorang 'Head of the Department' dan masih berada di dalam bidang

swasta. Sepuluh tahun akan datang, selepas saya berjaya menamatkan Ijazah Doktor Falsafah dan dalam masa yang sama saya berjaya mendapatkan pengalaman yang berbeza dari dalam industri, saya ingin menjadi pensyarah di mana-mana universiti sepenuh masa. Kalau ada rezeki, saya ingin kembali berkhidmat dan berbakti semula di UPSI.

INGIN BERBAKTI DENGAN UPSI

UPSI adalah universiti yang penuh dengan kasih sayang, fasiliti terbaik dan peluang emas. Universiti yang lubuk dengan permata. Saya adalah antara alumni yang telah bergraduat dari Suluh Budiman ini sebagai alumni Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Komunikasi Sosial) dengan kepujian. Saya berharap dan berniat untuk datang semula ke UPSI untuk menyambung pendidikan sehingga ke 'topi cendawan' pula. Kalau ada rezeki, saya juga ingin berbakti di universiti yang tercinta ini. Sekarang ini, UPSI sedang mendunia, tapi saya percaya pada masa akan datang, dunia yang akan datang ke UPSI.





CHOPS&BEATS
TRADING CO.

DRUMSTICK ANATOMY

HICKORY

DURABILITY: ●●●●●
WEIGHT: ●●●●●
SPEED: ●●●●●
VOLUME: ●●●●●

MOST POPULAR WOOD DRUMMING.

SMALL STANDARD MODEL SIZE

- Lighter weight & smaller
- Light, fast and responsive
- Ideal for light playing

DRUM	THICK	THIN
OBEL	●	●
BOUND	●	●

● Thick
● Thin



Projector Band – Kakitangan UPSI anggotai kumpulan band muzik popular negara



Oleh:
Ramli bin Mosmin
ramli_m@upsi.edu.my

PERKEMBANGAN ZAMAN KANAK-KANAK

Mohamad Safwan Abdillah bin Saidon ataupun dalam kalangan rakan-rakan mesra dengan panggilan Wan Akira dilahirkan di Perlis, namun dibesarkan di Kedah sebelum berpindah ke Hulu Langat. Menginjak dewasa, beliau menetap di Tanjung Malim sehingga kini.

Hidup berpindah randah disebabkan tugas ayahnya di Pejabat Tanah yang ada ketikanya memerlukan pertukaran tempat kerja. Tidak banyak kenangan dan memori semasa tinggal di Perlis dan Kedah kerana

tempoh waktu yang agak singkat dan masih kecil. Beliau mula merakam kenangan zaman kanak-kanak apabila memulakan sekolah rendah di Hulu Langat.

Wan Akira mempunyai lima orang adik beradik, kakak sulung merupakan kakak tiri sama bapa dan lain ibu. Tiga beradik lagi sama ibu dan sama bapa, manakala seorang lagi merupakan adik tiri lelaki (anak emak tiri dari perkahwinan terdahulu). Ibu kandung Wan Akira meninggal dunia pada tahun 2004 akibat serangan jantung. Ayahnya juga telah meninggal dunia akibat penyakit tiga serangkai pada tahun 2010.

Kini, Wan Akira dan adik beradik menumpang kasih dengan emak tirinya yang

menetap di Behrang. Di situlah menjadi tempat berkumpul keluarga sekiranya semua pulang ke kampung sementelah emak tirinya tinggal berseorangan selepas anak bongsu lelakinya meninggal dunia semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2021 di usia 20 tahun. Walaupun hanya berstatus emak tiri tetapi hubungan mereka adik beradik dengan emak tirinya itu sangat rapat dan adik perempuannya kini tinggal bersama untuk menemani emak tirinya itu. Perjalanan hidup yang sentiasa berpindah serta kehilangan kedua ibu bapanya membuatkan mereka adik beradik menghargai emak tirinya sebagai keluarga sebenar.

Zaman persekolahannya bermula pada tahun



WIRA KITA



1995 di SK Tun Abdul Aziz Majid, Hulu Langat dari darjah satu hingga darjah enam. Kemudian beliau memulakan pembelajaran menengah di SMK Khir Johari pada tahun 2000 hingga 2005 iaitu dari tingkatan dua hingga tingkatan lima selepas ayahnya dipindahkan untuk bertugas di Instun, Tanjong Malim.

Wan Akira menemui jodoh dengan isterinya pada awal 2016 yang dikenali semasa isterinya bekerja di Studio Fasola Tanjong Malim, milik anak kepada YB Adun Hulu Bernam untuk penggal yang lepas.

KECENDERUNGAN TERHADAP MUZIK

Minatnya terhadap bidang muzik melalui abangnya yang mesra dengan panggilan Own ketika beliau dan keluarga tinggal di Hulu Langat. Pada ketika itu Wan baru berusia 11 tahun. Setiap hari, abangnya bersama budak-budak kampung di Taman Titiwangsa akan berkumpul (melepak) bersama. *Port* lepak yang ada pada masa itu ialah rumah api TNB. Di sinilah abangnya berjumpa kawan-kawan sambil bermain gitar. Manakala Wan yang beza usia tiga tahun dari abangnya tidak dibenarkan oleh ibunya untuk sama-sama melepak di *port* abangnya tadi.

Kesempitan hidup kebanyakan penduduk di situ menyebabkan hanya seorang sahaja yang mempunyai gitar kapok. Walaupun berharga RM80, nilai itu dianggap besar untuk memilikinya sendiri. Setiap seorang kawan-kawan abangnya akan belajar main gitar bersama dan membuat peraturan penggiliran kebenaran untuk menjaga gitar selama seminggu setiap orang. Selama seminggulah penerima giliran berhak untuk membawa balik gitar selepas selesai melepak.

Apabila giliran abangnya membawa balik gitar ke rumah, abangnya memberi amaran agar Wan tidak menyentuhnya. Sebenarnya amaran itu disebabkan risau *tunning* bunyi gitar itu akan berubah dan memerlukan pakar yang boleh membaiki *tunning* gitar itu kembali semula ke bunyi yang asal. Abangnya akan menyimpan gitar itu di bawah katil rumahnya bagi mengelakkan Wan dari memainkannya. Suatu hari beliau cuba untuk memainkan gitar tersebut secara sembunyi dan telah diketahui oleh abangnya. Oleh kerana minat adiknya itu abangnya membawa Wan untuk sama-sama belajar gitar bersama kawan-kawannya yang lain.

Minat yang mendalam menyebabkan Wan cepat menangkap ilmu muzik bermain gitar terutamanya *chord* asas walaupun hanya melalui pemerhatian

abang-abang senior di tempat mereka melepak. Berbanding kawan-kawannya yang lain yang terlebih dahulu mempelajari ilmu gitar tetapi masih belum menguasainya dengan baik. Dalam masa setahun Wan sudah mahir memainkan lagu dengan menggunakan *chord* asas walaupun tanpa ada sebarang buku rujukan. Selepas setahun lebih mengenali alat muzik gitar, beliau mampu menguasai *chord* yang lebih *advance* iaitu *barchord* dan juga *fingerstyle*. Semasa mula berpindah ke Tanjong Malim dan meneruskan sesi persekolah menengah di SMK Khir Johari, Wan sudah mempunyai gitar kapoknya sendiri. Kedua ibu bapanya tidak menghalang minat anaknya terhadap dunia muzik. Pada masa ini keterujaannya sangat tinggi untuk mempelajari teknik-teknik baharu alat muzik gitar ini dari pelbagai sumber seperti *Compact Disc* (CD) dan kaset. Pada masa ini akhirnya beliau mengakui akan bakat dengan boleh memainkan gitar tanpa melihat *chord* dan hanya melalui deria pendengarannya. Beliau amat dikenali di sekolah menengah kerana kebolehan bermain gitar. Setiap kali program sekolah seperti Hari Terbuka Sekolah, Wan akan sentiasa hadir untuk membuat persembahan dengan beberapa orang kawannya yang lain. Ketika di tingkatan 4, Wan

Akira mula bermain gitar elektrik dengan menyewa studio *jamming* bersama kawannya di bangunan rumah kedai bersebelahan lokasi kedai Pau Yik Mun sekarang ini.

MEMULAKAN KERJAYA

Tamat persekolahan Wan terus bekerja di Erin Studio yang terletak di atas kedai mamak KP Ghani, Hulu Bernam. Pada masa itu dunia *jamming* mempunyai permintaan yang sangat tinggi. Sehari boleh mencecah 10 kumpulan yang datang menyewa studio tempat beliau bekerja. Kadang-kadang Wan diajak untuk bermain bersama dengan kumpulan yang datang menyewa studio terutamanya bagi kumpulan yang tidak cukup ahli. Selain gitar, alat muzik lain yang boleh dikuasai olehnya ialah gitar bass dan drum. Di sinilah beliau meneruskan proses meningkatkan kemahiran dan mengasah bakat ke tahap yang lebih tinggi. Selepas itu, pada tahun 2007 hingga 2016 beliau bekerja di Kilang Proton, Tanjong Malim selama 9 tahun. Semasa berkerja di kilang Proton beliau tidak pernah bermain muzik di tempat kerja sebaliknya meneruskan bakat seninya dengan membuat persembahan di majlis kenduri kahwin pada setiap hujung minggu di kawasan sekitar mengikut permintaan. Penglibatan dalam persembahan di

majlis kenduri kahwin ini dibuat secara *part time* dan mengakui bayaran yang diterima sangat rendah dan sukar untuk diteruskan pada waktu kini. Akhirnya pada tahun 2016 beliau mendapat tawaran bekerja di UPSI sebagai Pegawai Kebudayaan berstatus kontrak dan pada tahun 2019 beliau diserap ke jawatan tetap.

MEMULAKAN PENGLIBATAN DALAM BAND MUZIK

Mula menyertai kumpulan muzik Projector Band pada tahun 2018 sebagai pemain gitar kedua (*second lead*). Projector Band sering membuat latihan di Calisto Studio milik abangnya yang terletak di Taman Bahtera. Oleh itu, Wan Akira sudah mengenali ahli-ahli kumpulan Projector Band tetapi tidak mempunyai hubungan yang rapat. Wan diterima masuk sebagai ahli band selepas pemain gitar asal, Eddie telah menarik diri kerana cuba mencari pendapatan tetap untuk menampung keperluan keluarga. Zainal kemudiannya menggantikan Eddie dan merupakan orang tempatan yang tinggal di Kalumpang, sempat terlibat dalam menghasilkan lagu Cinta Kita. Akhirnya, Zainal juga menarik diri dari band dan mengambil tindakan nekad untuk bekerja di Kilang Proton. Dalam keadaan yang sukar kehilangan ahli kumpulan,

abangnya yang menjadi pengurus kepada kumpulan Projector Band telah mencadangkan nama Wan Akira diambil untuk mengisi ruang kekosongan tersebut. Pada mulanya kehadiran Wan Akira hanyalah sebagai pemuzik undangan ataupun ahli muzik bermusim sahaja. Bakat yang dimiliki dan komitmen terhadap band yang ditunjukkan, Wan akhirnya diumumkan menjadi *line up* tetap semasa Pematuhan Kawalan Pergerakan (PKP) selepas penyanyi utama Is telah menarik diri dari kumpulan. Lagu terakhir berjudul 'akhirnya ku tahu' sempat dirakam bersama. Banyak mendapat jemputan show di stesen TV dan lain-lain persembahan dan kebanyakannya tawaran tersebut dibuat pada hujung minggu. Oleh yang demikian, persembahan tersebut tidak mengganggu langsung waktu bekerja hakiki beliau di Pusat Kebudayaan, UPSI. Malah penglibatan beliau bersama kumpulan muzik antara kumpulan yang terkenal dan mempunyai peminat serta pengikut yang ramai di negara kita secara tidak langsung membawa nama UPSI dan imej yang baik kepada masyarakat Malaysia.

Selain menyertai kumpulan Projector Band, Wan Akira juga menyertai kumpulan muzik yang ditubuhkan di UPSI iaitu The Pegawai Band yang turut disertai oleh tiga orang kakitangan Pusat Kebudayaan yang

merupakan rakan sekerjanya di UPSI. The Pegawai Band dibarisi oleh Wan Akira sebagai pemain gitar, Ahoi pemain *bassist*, Fahmi pemain gitar dan Asri sebagai pemain drum.

The Pegawai Band sering dijemput sebagai pemuzik pengiring artis terkenal seperti Amir Ukays di Pesta Konvokesyen ke-24, Zamani & Shah Slam di Pesta Konvokesyen ke-25, Naim Daniel di Pesta Konvokesyen, Khatijah Ibrahim, Mawi dan Lah Ahmad. Selain itu mereka juga mendapat jemputan sebagai pemuzik untuk Rakaman 10 minggu Muzikal Lawak *Superstar Unplugged* dan Rakaman 13 episod rancangan Jemput Masuk RTM.

Semoga bakat luar biasa dalam kalangan kakitangan UPSI ini mampu digunakan ke arah kebaikan dan membawa nama UPSI ke tahap yang lebih tinggi. Ia juga membuktikan kualiti kakitangan UPSI merupakan aset yang sangat berharga.



PENCAPAIAN Mohamad Safwan Abdillah bin Saidon

BIL	KEJOHANAN/ PROGRAM	Band
1	Single "Sinar Pelangi" 6.3M views di Youtube	Projector Band
2	Vault Fest Extravaganza Singapore 2023	Projector Band
3	Fiesta Merdeka@utagha RTM 2022	Projector Band
4	Absolut Music Festival 'Elf Bar' 2022	Projector Band
5	MeleTOP S11 Episod 08	Projector Band
6	Pesona XY RTM 2023	Projector Band
7	Suria FM "Suria Akustika" - Sinar Pelangi	Projector Band
8	Hot FM "Jaming Hot" Projector Band - Akhirnya Ku Tahu	Projector Band
9	Gegar "Gegarkustik" Projector Band - Sinar Pelangi	Projector Band
10	Rakaman 10 minggu Muzikal Lawak <i>Superstar Unplugged</i>	The Pegawai Band
11	Rakaman 13 episod rancangan Jemput Masuk RTM	The Pegawai Band
12	Mengiringi artis Amir Ukays, Zamani dan Shah Slam, Mawi & Lah Ahmad	The Pegawai Band



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اونيزرستي فنديدين سلطان ادريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS KELUARAN 12/2023 BIL. 19
Inspirasi